

Guardini lakar sejarah

Monsalve juara keseluruhan, Raja Bukit LTdL yang berakhir, semalam

PELUMBA Farnese Vini-Neri Sottoli, Andrea Guardini melakar sejarah baru saingan Le Tour de Langkawi (LTdL) apabila menamatkan saingan hari terakhir sebagai juara peringkat untuk merekodkan lima kemenangan peringkat selepas bersaing 10 hari.

Lebih manis kemenangan lima peringkat menyamai rekod kemenangan terbanyak dalam LTdL dan kejayaan meraih jersi biru Raja Pecut pada penampilan pertamanya sudah cukup membuatnya tersenyum bangga.

Guardini merakam 2 jam 24 minit 30 saat pada Peringkat 10 dari UiTM Shah Alam ke lingkaran Kuala Lumpur, meliputi laluan sejauh 104.6 kilometer menewaskan Robert Foster (United Healthcare Pro Cycling) kedua dan Anuar Manan (Terengganu Pro Asia Cycling Team), ketiga.

Kemenangan itu memastikan Guardini kekal pendahulu kategori pecut dengan 117 mata mengatasi Anuar yang meraih gelaran itu tahun lalu, di tempat kedua dengan 101 sementara Jonnathan Monsalve dari pasukan Androni Giocatto dinobatkan Raja Bukit (jersi merah).

Kelebihan lima saat turut membantu Monsalve menyuarung jersi kuning selaku pelumba terbaik keseluruhan untuk mengatasi pencabar



JAGOAN LTdL...Guardini bersama Monsalve (tengah) dan Rahim di Dataran Merdeka.

terdekat dari pasukan Le Tua Cycling, Libardo Nino.

Pasukan terbaik keseluruhan milik Tabriz Petrochemical dari Iran mengatasi Azad University dan Chipotle Development dari Amerika Syarikat.

Kekecewaan Azad University untuk muncul juara keseluruhan bagaimanapun terubat apabila pelumba, Rahim

Emami dinobatkan pelumba terbaik Asia apabila menduduki tangga kelima pendakian ke Genting Highlands pada Peringkat 5.

Sementara itu, hasrat Anuar mempertahankan jersi Raja Pecut dimenangnya lebur.

Kudrat dipamer pelumba dari Kuala Ibai itu membuktikan dia sudah berusaha se-

habis daya namun nasib tidak menyebelainya.

"Saya sudah memberikan yang terbaik namun gagal mengatasi Andrea dan Robert. Mereka terlalu pantas. Banyak saya pelajari dalam perlumbaan ini dan yakin kembali merampas jersi itu tahun depan," katanya yang tampil pertama kali bersama TSG.



KEPUTUSAN PERINGKAT TERAKHIR LE TOUR DE LANGKAWI 2011

Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam ke Dataran Merdeka sejauh 104.6km

>3 PELUMBA TERBAIK			Masa
1. Andrea Guardini	(Farnese Vini-Neri toli)	2 jam 24 minit 30 saat	
2. Robert Foster	(United Healthcare Pro Cycling)	2"24:30s	
3. Anuar Manan	(Terengganu Pro Asia Cycling Team)	2"24:30s	

>3 PELUMBA TERBAIK KESELURUHAN (Jersi Kuning)			Masa
1. Jonnatha Monsalve	(Androni Giocattoli)	30"08:57s	
2. Libardo Nino Corredor	(Le Tua Cycling Team)	30"09:02s	
3. Emanuele Sella	(Androni Giocattoli)	30"09:21s	

>3 PELUMBA TERBAIK ASIA (Jersi Putih)			Masa
1. Rahim Emami	(Azad University Cycling Team)	30"09:22s	
2. Hossein Askari	(Tabriz Petrochemical Team)	+31s	
3. Gong Hyosuk	(Korea National Team)	+32s	

>RAJA PECUT (Jersi Biru)			Mata
1. Andrea Guardini	(Farnese Vini-NeriSottoli)	117	
2. Anuar Manan	(Terengganu Pro Asia Cycling Team)	101	
3. Boris Shpilevsky	(Tabriz Petrochemical Team)	97	

>RAJA BUKIT (Jersi Merah)			Masa
1. Jonnatha Monsalve	(Androni Giocattoli)	45	
2. Rahim Emami	(Azad University Cycling Team)	35	
3. Albert Timmer	(Skil Shimano Cycling Team)	31	

>PASUKAN TERBAIK KESELURUHAN			Masa
1. Tabriz Petrochemical Team		90"30:59s	
2. Azad University Cycling Team		+11s	
3. Chipotle Development Team		+37s	

>PASUKAN TERBAIK ASIA			Masa
1. Azad University Cycling Team		90"31:10s	
2. Max Success Cycling Team		+10:06s	
3. Tabriz Petrochemical Team		+15:56s	